



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

PEKELILING BIOSEKURITI BILANGAN 1 TAHUN 2010

SYARAT-SYARAT IMPORT/ EKSPORT/ ANGKUT IKAN HIDUP

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan syarat-syarat bagi menjalankan aktiviti import/ eksport/ angkut ikan hidup yang wajib dipatuhi oleh pengimport, pengeksport dan pengangkut.

2. LATAR BELAKANG

Syarat-syarat dan arahan-arahan Jabatan seperti pada Arahan Tetap Ketua Pengarah Perikanan Penguatkuasaan Akta Perikanan 1985, pada 01 Januari 1986 didapati tidak memenuhi keperluan serta prosedur terkini bagi import, eksport dan angkut ikan hidup. Syarat-syarat baru perlu diwujudkan untuk memastikan ikan yang diimport, dieksport dan diangkut adalah bebas daripada penyakit berjangkit yang dikhuatiri akan merebak di dalam perairan Negara dan Negara pengimport.

Pekeliling ini akan menjelaskan syarat-syarat sebelum, semasa dan selepas berlakunya aktiviti import, eksport dan angkut ikan hidup. Pekeliling ini dikeluarkan berdasarkan Seksyen 40 (2) Kawalan Ke atas Ikan Hidup Akta Perikanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Perikanan (Kawalan Kualiti Ikan Bagi

Eksport Ke Kesatuan Eropah) 2009 dan Notifikasi Malaysia kepada *World Trade Organization* (WTO) bernombor rujukan **G/SPS/N/MYS/20**.

SYARAT-SYARAT IMPORT/ EKSPORT/ ANGKUT IKAN HIDUP

3. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan syarat-syarat bagi menjalankan aktiviti import/ eksport/ angkut ikan hidup yang wajib dipatuhi oleh pengimport, pengeksport dan pengangkut.

4. LATAR BELAKANG

Syarat-syarat dan arahan-arahan Jabatan seperti pada Arahan Tetap Ketua Pengarah Perikanan Penguatkuasaan Akta Perikanan 1985, pada 01 Januari 1986 didapati tidak memenuhi keperluan serta prosedur terkini bagi import, eksport dan angkut ikan hidup. Syarat-syarat baru perlu diwujudkan untuk memastikan ikan yang diimport, dieksport dan diangkut adalah bebas daripada penyakit berjangkit yang dikhuatiri akan merebak di dalam perairan Negara dan Negara pengimport.

Pekeliling ini akan menjelaskan syarat-syarat sebelum, semasa dan selepas berlakunya aktiviti import, eksport dan angkut ikan hidup. Pekeliling ini dikeluarkan berdasarkan Seksyen 40 (2) Kawalan Ke atas Ikan Hidup Akta Perikanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Perikanan (Kawalan Kualiti Ikan Bagi Eksport Ke Kesatuan Eropah) 2009 dan Notifikasi Malaysia kepada *World Trade Organization* (WTO) bernombor rujukan **G/SPS/N/MYS/20**.

5. SYARAT-SYARAT IMPORT, EKSPORT DAN ANGKUT IKAN HIDUP

5.1. SYARAT-SYARAT UMUM

- 5.1.1. Pengimport, pengeksport dan pengangkut hendaklah **berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia** (DoF).

- i. **Syarat-Syarat pendaftaran :**
 - a. Premis pengimport hendaklah mempunyai **kemudahan fizikal kuarantin** yang mematuhi keperluan seperti **lampiran A** dan telah diluluskan oleh DoF.
 - b. Premis pengeksport dan pengangkut hendaklah mempunyai **kemudahan fizikal simpanan** ikan sebelum eksport yang mematuhi keperluan seperti **lampiran B** dan **kemudahan fizikal pembungkusan** yang mematuhi keperluan seperti **lampiran C** dan telah diluluskan oleh DoF.
- 5.1.2. Pengimport, pengeksport dan pengangkut hendaklah **berdaftar dengan Dagang Net Technologies (DNT)**.
- 5.1.3. **Permohonan permit** import, eksport dan angkut hendaklah melalui **sistem e-permit** (www.epermit.dagangnet.com)
- 5.1.4. Setiap Konsainan hanya dibenarkan untuk membawa keluar/ masuk konsainan melalui pintu keluar/ masuk Negara seperti yang tersenarai di lampiran D setelah menjalani **pemeriksaan visual dan permit disahkan oleh Perkhidmatan Pemeriksaan dan Kuarantin Malaysia (MAQIS)**.

3.2 SYARAT-SYARAT KHAS

3.2.1 Syarat-Syarat Import

3.2.1.1 Syarat-syarat semasa konsainan di Negara Pengeksport

Pengimport hendaklah memastikan:

- i. Semua konsainan telah memenuhi syarat-syarat Standard Pengendalian dan Pembungkusan Ikan Hidup (**lampiran C**).
- ii. Sijil Kesihatan telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten negara pengeksport.
- iii. Sijil Kesihatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten hendaklah telah disahkan mematuhi keperluan-keperluan berikut:-
 - a. Sumber ikan diperolehi daripada ladang yang diluluskan dan berada di bawah kawalan rasmi pihak berkuasa yang kompeten. Dokumentasi yang lengkap daripada pihak berkuasa yang kompeten

negara pengeksport hendaklah dikemukakan kepada negara pengimport sekiranya diperlukan.

- b. Konsainan ikan daripada negara asal adalah bebas dari penyakit dalam senarai Penyakit Wajib Lapor (PWL) *Office of International Epizootics* (OIE) (www.oie.int) sekurang-kurangnya dalam tempoh dua tahun.
- c. Konsainan telah diperiksa oleh pihak berkuasa yang kompeten negara pengeksport dalam masa 72 jam dari tarikh eksport dan tidak menunjukkan tanda-tanda klinikal penyakit.
- d. Sumber ikan tidak diperolehi daripada sumber yang dilarang disebabkan oleh kes-kes peningkatan kematian yang tidak dapat diselesaikan.
- e. Ikan berasal daripada sumber populasi (**ladang yang diluluskan**) yang tidak berkaitan dengan apa-apa PWL OIE dalam masa enam bulan.
- f. Ikan tidak disimpan dalam air yang sama dengan ternakan ikan makan (ikan makan termasuk ikan untuk tujuan rekreasi) atau ikan Koi.
- g. Ikan dalam kawasan simpanan premis pengeksport hendaklah tidak menunjukkan tanda-tanda penyakit berjangkit.
- h. Pengeksport hendaklah melaksanakan sistem biosekuriti untuk mengekalkan pengesahan status kesihatan ikan sehingga dieksport.

3.2.1.2 Syarat-syarat semasa konsainan di pintu masuk sempadan negara

Pengimport hendaklah memastikan:

- i. Konsainan disertakan dengan Sijil Kesihatan, Sijil Tempat Asal 'Origin Certificate', Permit Import, Invois, Senarai Pembungkusan dan Bil Penerbangan atau Bil Muatan.
- ii. Konsainan disertakan dengan Permit CITES dan Sijil Tempat Asal 'Origin Certificate' (bagi Ikan Kelisa).
- iii. Setiap spesies dan bilangan ikan dalam konsainan adalah sama seperti tercatat dalam Sijil Kesihatan, Invois dan Senarai Bungkus.

- iv. Jenis komoditi dilabelkan dengan jelas di atas setiap kotak seperti berikut:
 - a. Koi (*Cyprinus carpio*) dan Ikan Emas (*Carassius auratus*) hendaklah dilabelkan dengan 'coldwater fish species'.
 - b. Ikan makan hendaklah dilabelkan dengan 'Food Fish'.
 - c. Moluska hendaklah dilabelkan dengan 'Mollusc'.
 - d. Krustasia hendaklah dilabelkan dengan 'Crustacean'.
 - e. Benih Ikan hendaklah dilabelkan dengan 'Fry'.
 - f. Tumbuhan Akuatik hendaklah dilabelkan dengan 'Aquatic Plant'.
 - g. Makanan Ikan hendaklah dilabelkan dengan 'Fish Feed' dan lain-lain.

3.2.1.3 Syarat-Syarat selepas konsainan dibawa masuk ke dalam negara

Pengimport hendaklah:

- i. Mengkuarantinkan konsainan dengan segera di kawasan kuarantin pengimport yang diluluskan mengikut tempoh masa seperti:-
 - a. Ikan Emas dan Koi : 21 hari
 - b. Gouramis, cichlids dan pocilidae : 14 hari
 - c. Ikan Hiasan tropika : 7 hari
 - d. Benih ikan makan air tawar dan masin; 7 hariTempoh masa kuarantin bermula dari tarikh ketibaan. Ikan tidak dibenarkan diangkut keluar semula semasa dalam tempoh kuarantin.
- ii. Menyimpan rekod dalam tempoh kuarantin mengikut format yang ditetapkan oleh DoF.
- iii. Membenarkan DoF menjalankan pemeriksaan dan pensampelan ikan bagi tujuan analisis dan surveilan penyakit. Jika keputusan analisis penyakit adalah positif, DoF berhak mengambil tindakan seperti berikut:-
 - a. Melarang pergerakan keluar keseluruhan stok ikan dari premis
 - b. Menjalankan pensampelan semula bagi tujuan analisis penyakit.
 - c. Jika keputusan ujian semula disahkan positif, premis akan diisytiharkan kawasan dijangkiti penyakit dan ikan dikuarantinkan serta ikan dilarang dibawa keluar dari premis akan dikeluarkan.

- d. Mengarahkan pengimport untuk melaksanakan proses pelupusan ikan yang dijangkiti penyakit, membasmikuman tangki dan peralatan di bawah pengawasan oleh DoF serta.
 - e. Kos mengenai apa-apa tindakan di atas adalah tanggungjawab pengimport dan mana-mana ikan yang dilupuskan dalam tempoh kuarantin tidak akan diberi sebarang ganti rugi atau pampasan oleh DoF.
 - f. DoF mempunyai kuasa untuk memberitahu pihak berkuasa yang kompeten negara pengeksport berkaitan dengan kes positif.
- iv. Jika pengimport:
- a. Mengesyaki kehadiran atau mengesahkan PWL OIE;
atau
 - b. berlaku kadar kematian yang tinggi,
Pengimport diwajibkan memaklumkan kepada DoF dalam masa 24 jam.

Standard Pendaftaran Premis Pengimport

A. Syarat-Syarat Pembinaan Kemudahan dan Peralatan Premis

- 1) Kemudahan Kuarantin hendaklah berasingan dengan kemudahan kuarantin lain, ladang lain atau kawasan ternakan kerang-kerangan dengan jarak yang ditetntukan oleh *Competent Authority* (CA) berdasarkan kepada penilaian risiko dengan mengambil kira epidemiologi Penyakit Wajib Lapor (PWL) OIE.
- 2) Sistem air keluar untuk setiap unit kuarantin hendaklah direbentuk boleh menghalang berlakunya pencemaran silang antara unit kuarantin.
- 3) Sumber air unit kuarantin hendaklah bebas daripada PWL OIE.
- 4) Jika sistem pengairan unit kuarantin berada dalam zon atau bahagian yang diisytihar bebas PWL OIE atau perlu dijalankan surveilan, premis hendaklah mempunyai rawatan efluen yang diluluskan oleh CA. Sistem rawatan efluen hendaklah:
 - a) Rawat semua efluen dan bahan buangan di dalam unit kuarantin dengan memastikan semua patogen PWL OIE dimusnahkan;
 - b) Di lengkapkan dengan mekanisma sokongan untuk memastikan operasi rawatan berterusan dan kawalan yang lengkap.
- 5) Unit kuarantin hendaklah dibina supaya ia dapat mengelakkan persentuhan dengan haiwan yang berkemungkinan boleh menyebarkan PWL OIE.
- 6) Semua peralatan yang dibina hendaklah boleh dibersihkan dan dibasmikuman dan mempunyai peralatan yang sesuai untuk pembersihan dan pembasmiankuman.
- 7) Kemudahan pembasmian kuman hendaklah di pasang di setiap pintu masuk/keluar bagi setiap kemudahan unit kuarantin.
- 8) Setiap unit kuarantin dalam kemudahan kuarantin hendaklah mempunyai peralatan sendiri bagi mengelakkan pencemaran silang antara unit kuarantin yang berbeza.

B. Syarat-Syarat Pengurusan

- 1) Pengurus operasi pengeluaran akuakultur bagi kemudahan kuarantin hendaklah mendapatkan, melalui kontrak atau sah, perkhidmatan para profesional kesihatan haiwan akuatik yang berkelayakan dan sah.

- 2) Setiap konsainan ikan yang dikuarantin:
 - a) Kuarantin unit hendaklah bersih dan dibasmikuman dan ikan tidak disimpan sekurang-kurangnya sehari sebelum konsainan ikan baru dimasukan;
 - b) Tempoh kuarantin hanya akan bermula apabila ikan yang terakhir bagi konsainan tersebut di bawa masuk.
- 3) Langkah-langkah yang sesuai hendaklah diambil untuk mencegah pencemaran silang antara konsainan yang masuk dan keluar
- 4) Kemudahan kuarantin hanya boleh di masuki oleh kakitangan yang di benarkan sahaja
- 5) Kakitangan yang masuk ke kemudahan kuarantin hendaklah memakai pakaian khas dan kasut but.
- 6) Elakkan persentuhan antara kakitangan atau peralatan yang mungkin boleh menyebabkan pencemaran antara kemudahan kuarantin atau unit kuarantin atau antara kemudahan kuarantin dan ladang atau kawasan ladang kerang-kerangan.
- 7) Kenderaan pengangkutan dan peralatan termasuk tangki, bekas dan air hendaklah di rawat bagi memastikan semua patogen PWL OIE dimusnahkan.
- 8) Ikan yang mati dan menunjukkan tanda-tanda klinikal penyakit hendaklah diperiksa secara klinikal dan dijalankan analisa di makmal oleh CA.
- 9) Kaedah pemeriksaan, pensampelan dan diagnostik hendaklah di bincangkan dengan CA dan di bawah kawalan CA.

C. Pemeriksaan, Pensampelan, Analisis dan Diagnostik ikan

- 1) Pemeriksaan, pensampelan, analisis dan diagnostik ikan hendaklah dijalankan bagi menentukan keadaan persekitaran adalah sesuai untuk pengesanan makmal bagi PWL OIE yang terdapat dalam kemudahan kuarantin semasa tempoh kuarantin
- 2) Semasa tempoh kuarantin, ikan hendaklah di sampel :
 - a) Apabila ikan yang dikuarantin di gunakan, sampel hendaklah diambil dari ke semuanya;
 - b) Apabila ikan yang dikuarantin tidak di gunakan, sampel hendaklah di ambil dai bilangan ikan yang relevan bagi menentukan pengujian PWL OIE dengan keyakinan 95% jika prevalen 10% (tidak kurang dari 10 ekor ikan)

Standard Pendaftaran Premis Pengeksport

1. Premis hendaklah di gunakan bagi tujuan untuk menjalankan aktiviti pengeksportan ikan hiasan (termasuk ikan bersirip dan/atau bercengkerang).
2. Premis hendaklah di pisahkan secara fizikal seperti dinding daripada kawasan untuk urusanniaga lain seperti jualan runcit ikan, haiwan peliharaan dan lain-lain.
3. Premis hendaklah mempunyai kemudahan berikut:
 - 3.1 Kawasan simpanan – kawasan berbumbung dan tangki ikan dilengkapi dengan bekalan air dan udara;
 - 3.2 Kawasan pembungkusan – Kawasan berbumbung dengan kemudahan pembungkusan;
 - 3.3 Kemudahan simpanan air untuk pembungkusan - kawasan berbumbung
 - 3.4 Kawasan umum – yang terdiri dari pejabat, tandas dan tujuan pelbagai seperti tempat penyimpanan peralatan seperti kotak *Styrofoam*.
4. Pengeksport juga hendaklah memenuhi keperluan tambahan di kawasan pembungkusan seperti di bawah:
 - 4.1 Lantai
Lantai perlulah dibina dari bahan dari gred yang rintang pada air supaya mudah dibersihkan di buang bagi memastikan tiada air bertakung.
 - 4.2 Saliran Air Buang
Saliran air hendaklah bersaiz yang cukup dan gred yang sesuai untuk mencegah air bertakung dan di mana ia di hubungkan terus dengan tangki pengumpul yang di lengkapi dengan perangkap di hujung paip.
 - 4.3 Beg plastik/ kotak pembungkusan
Hanya beg plastik dan kotak pembungkusan boleh digunakan untuk pembungkusan. Ia hendaklah disimpan di tempat tinggi yang berbumbung dan jauh dari kawasan lantai yang basah.
 - 4.4 Haiwan peliharaan
Elakkan haiwan dan burung, selain daripada ikan berada di dalam kawasan premis pembungkusan.
 - 4.5 Tandas
Kemudahan mencuci dan pakaian kerja hendaklah disediakan untuk keselesaan pekerja. Pintu masuk kawasan ini hendaklah tidak berhadapan terus dengan kawasan pembungkusan.
 - 4.6 Tempat memasak

Tempat memasak hendaklah tidak berada dalam kawasan premis pembungkusan.

- 4.7 Pelupusan ikan sakit dan mati
Ikan sakit dan mati hendaklah dikumpulkan dalam bekas/ beg plastik dan dilupuskan setiap hari.
- 4.8 Lain-lain.
Semua syarat-syarat lain seperti keperluan pengudaraan, cahaya, kebakaran dan lain-lain, untuk penyelenggaraan pejabat hendaklah dipatuhi.

Standard Pengendalian dan Pembungkusan Ikan Hidup

Semua konsainan ikan hidup hendaklah memenuhi syarat-syarat khusus bagi Standard Pengendalian dan Pembungkusan Ikan Hidup seperti:-

- i) Semua ikan dalam konsainan hendaklah dibungkus dalam beg plastik yang tahan bocor dan setiap beg hanya mengandungi satu spesies. Beg plastik hendaklah tidak bewarna dan lutsinar untuk memudahkan pemeriksaan dan pengecaman ikan dan tidak mengandungi bahan-bahan lain, bahan tumbuhan yang tidak di benarkan, perosak atau spesies ikan yang tidak dibenarkan. Penggunaan bahan opak atau separa - gelap (*opaque materials or half-black*) diluar beg pembungkusan untuk memberikan persekitaran pengangkutan yang gelap adalah diterima sekiranya kandungan beg tersebut dapat di periksa dengan mudah dan di terima oleh DoF.
- ii) Memasukkan bahan lengai seperti zeolite, karbon aktif atau plastik yang di koyak-koyakkan (*shredded plastic*) adalah dibenarkan dengan syarat kandungan beg tersebut dapat di periksa dengan mudah dan di terima oleh DoF dan bahan tersebut di basmi kuman dan di musnahkan seperti arahan DoF
- iii) Saiz dan berat setiap beg hendaklah dapat di periksa dengan mudah dan di terima oleh DoF.
- iv) Beg hendaklah diletakkan di dalam kotak *polystyrene* dengan dilapik dengan plastic. Setiap kotak hendaklah mudah dikenalpasti sebagai sebahagian konsainan dan boleh di kenalpasti secara individu.
- v) Konsainan hendaklah disertakan dengan dokumen termasuk nombor pengenalan setiap kotak, nama saintifik, nama biasa dan bilangan ikan di dalamnya.
- vi) Ikan dalam setiap beg plastik hendak di masukkan pada muatan yang memudahkan pemeriksaan dan tidak terlalu padat. Pembungkusan ikan untuk eksport hendaklah menggunakan air bersih dan pH yang sesuai.
- vii) Semua ikan dalam konsainan hendaklah di simpan dalam premis yang berdaftar dan dalam tempoh 14 hari sebelum eksport.

SENARAI NAMA PINTU KELUAR/ MASUK SEMPADAN NEGARA

1. Padang Besar, Perlis
2. Kuala Perlis, Perlis
3. Bukit Kayu Hitam, Kedah
4. Lapangan Kapal Terbang Antarabangsa Padang Matsirat Langkawi, Kedah
5. Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Alor Setar, Kedah
6. Lapangan Terbang Bayan Lepas, Pulau Pinang
7. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
8. Port Klang, Selangor
9. Lapangan Terbang Batu Berendam
10. Pelabuhan Melaka
11. Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail Senai, Johor
12. Kompleks Sultan Abu Bakar Gelang Patah, Johor
13. Pelabuhan Tanjung Pelepas Gelang Patah, Johor
14. Pelabuhan Pasir Gudang, Johor
15. Jeti Kukup Pontian, Johor
16. Jeti Sungai Rengit Penggerang, Johor
17. Jeti Muar, Johor
18. Jeti Batu Pahat, Johor
19. Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah Kuantan, Pahang
20. Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu, Terengganu
21. Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu, Kelantan
22. Pengkalan Kubur Tumpat, Kelantan
23. Rantau Panjang, Kelantan
24. Bukit Bunga Jeli, Kelantan
25. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak
26. Lapangan Terbang Miri, Sarawak
27. Lapangan Terbang Sibu, Sarawak
28. Sempadan Tebedu, Sarawak
29. Sempadan Sungai Tujuh Miri, Sarawak
30. Lapangan Terbang Antarabangsa Labuan
31. Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah